

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL
SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 1 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu "moratorium" untuk kes-kes di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, 1952 selaras dengan pendirian Kerajaan baru-baru ini bahawa hukuman kes-kes tersebut sepatutnya dijadikan hukuman mati ataupun penjara seumur hidup mengikut budi bicara Mahkamah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan satu kajian bagi meneliti isu undang-undang dan dasar hukuman mati dalam negara kita. Kajian tersebut telah dijalankan melalui International Centre for Law and Legal Studies (I-CeLLS) oleh Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama pakar-pakar antarabangsa dalam bidang ini. Laporan kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Jemaah Menteri seterusnya memutuskan supaya Akta Dadah Berbahaya 1952 dikaji semula khususnya bagi memberi ruang budi bicara kepada Hakim dalam menjatuhkan hukuman dengan menetapkan hukuman yang bersesuaian khususnya ke atas kes-kes di mana pesalah sebenarnya lebih wajar hanya dihukum penjara, tetapi mungkin peruntukan yang sedia ada Hakim tiada pilihan selain menjatuhkan hukuman mati.

Hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Mac 2017 di mana Jemaah Menteri telah bersetuju dan memutuskan bahawa pindaan dibuat kepada seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memasukkan peruntukan tambahan bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B akta berkenaan.

Justeru itu, Kementerian serta agensi yang berkaitan seterusnya akan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri yang baru bersama-sama dengan cadangan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.